

09/10/2003

PM tak kesal pelawa Myanmar sertai Asean

DENPASAR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak kesal membawa masuk Myanmar ke dalam keluarga Asean kerana ia memberi peluang kepada negara itu melalui proses demokrasi.

Perdana Menteri berkata, Myanmar perlu diberi peluang melaksanakan pembaharuan ke arah demokrasi mengikut keadaan di negara itu sendiri tanpa sebarang paksaan dan sekatan ekonomi.

"Jika kita mengenakan sekatan dan tekanan terhadap Kerajaan Myanmar, yang akan merana adalah rakyatnya. Ini adalah cara kejam untuk mengembangkan ideologi demokrasi yang sepatutnya membawa kebaikan.

"Jika demokrasi adalah baik, pendekatan seperti itu tidak boleh digunakan. Tindakan itu sama seperti menggugurkan bom atom (Amerika Syarikat ke atas Jepun). Setahu saya, satu-satu negara yang menggugurkan bom atom dalam sejarah juga adalah sebuah negara demokrasi," katanya ketika sidang media pada akhir Sidang Kemuncak Asean Ke-9 di sini, malam tadi.

Lebih 100 wartawan dari seluruh dunia menghadiri sidang media itu yang diadakan sebelum Perdana Menteri berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Dr Mahathir berkata, masalah Myanmar bukan setakat Aung San Suu Kyi (pemimpin demokrasinya), tetapi ada lebih 100 kumpulan etnik bersenjata yang pernah menentang kerajaan.

"Walaupun sudah ada proses rundingan perdamaian mereka masih memiliki senjata.

"Jika kita kenakan tekanan terhadap Myanmar (seperti yang diminta oleh kuasa besar), maka yang merana akhirnya adalah rakyat yang tidak berdosa," katanya.

Mengulas tindakan Asean tidak menerima Australia sebagai rakan dialognya, Perdana Menteri berkata, Australia mesti mengaku mereka adalah Asia dan berlagak seperti orang Asia serta bukan mengkritik orang lain.

Menjawab soalan wartawan Australia mengapa beliau membezakan mereka mengikut perkauman, Dr Mahathir berkata: "Australia yang membezakan kami dengan perkauman. Bukan kami perkauman.

"Mereka yang kata orang Asia adalah orang Asia... mereka tidak memikirkan diri mereka sebagai orang Asia. Australia memberitahu dunia, ia adalah timbalan sheriff... Saya rasa sukar bekerja dengan seseorang yang sentiasa mengawasi kami.

"Australia mesti memutuskan sama ada ia Eropah, Amerika atau Asia. Jika ia mengaku Asia, maka tak ada masalah. Tetapi kami melihat Australia sebagai dipindahkan dari satu kawasan lain," katanya.

Dr Mahathir berkata, pada pandangan beliau Australia bukan Asia.

Bagaimanapun, katanya, beliau akan bersara tidak lama lagi dan terpulang kepada orang lain jika mereka mempunyai pandangan berbeza mengenainya.

Ditanya mengenai kebimbangan Presiden Amerika Syarikat, George W Bush, mengenai perbelanjaan pertahanan China, Perdana Menteri berkata, Bush mesti menerima kenyataan China adalah sebuah kuasa baru ekonomi.

Katanya, China mempunyai peranan besar dalam ekonomi dunia dan sedikit peruntukan untuk pertahanannya akan membabitkan jumlah yang besar, tetapi dunia tidak perlu bimbang dengan kemajuannya.

"Semua negara berbelanja untuk pertahanan, China juga belanja beberapa peratus saja daripada Keluaran Dalam Negara Kasarnya (KDNK), tetapi jumlah itu sudah tentu kelihatan besar.

"Sejarah membuktikan China bukan negara penjajah, jadi tidak perlu ada

kebimbangan mengenai mereka.

"Malaysia yang dekat dengannya pun tidak dijajah China, tetapi negara yang jauhnya lebih 8,000 batu datang menjajah kami. Oleh itu, kita perlu lihat China sebagai peluang dan bukan musuh," katanya.

Mengenai kemungkinan Amerika Syarikat menyerang negara lain selepas Iraq, Dr Mahathir berkata, Amerika Syarikat tahu mereka sudah melakukan kesilapan besar dengan menawan Iraq dan yakin mereka tidak akan mengulanginya.

"Rakyat Iraq yang kononnya yang dibebaskan oleh Amerika Syarikat (daripada Saddam Hussein) sepatutnya dipuji dan disambut, tetapi kita lihat di Iraq, rakyatnya membunuh tentera Amerika.

"Saya rasa mereka akan berfikir dua kali sebelum mengulangi kesilapan sama (di Iraq)," katanya.

Ditanya sama ada Amerika boleh dilabel sebagai pengganas, Perdana Menteri berkata, Malaysia mendefiniskan mereka yang membunuh rakyat yang tidak berdosa dan bersenjata untuk mencapai matlamat mereka, sebagai pengganas.